

MTE 2013 : UMK menang empat perak dan dua gangsa

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah cemerlang dengan meraih empat pingat perak dan dua gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2013 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada 21 hingga 23 Februari 2013.

Pencapaian pingat perak ini adalah menerusi produk penyelidikan CATED: Application of Logistic Regression Modeling for Cataract Early Detection Using Web Based System, Eco Friendly Machines For Enhancing Durability And Colour Appearance of Wood, SIAPA: Tracking and Monitoring Key Performance Indicators of PBT By ADUN Based on WEB Technology dan Databased Discipline.

Manakala pingat gangsa diperolehi menerusi Cassava Composite Lumber dan Hm Breeding Chamber.

Pengarah Hal Ehwal Korporat UMK, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, berkata, kejayaan itu adalah penyertaan sulung penyelidik UMK untuk bersaing dengan beberapa institusi pendidikan tinggi dan organisasi yang terlibat dalam MTE 2013.

Beliau berkata, penyertaan UMK ini adalah hasil daripada usaha kumpulan penyelidik UMK untuk menghasilkan seberapa banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini yang boleh memberi manfaat kepada sejagat, khususnya kepada masyarakat dan negara.

“Pihak universiti berharap produk kajian oleh penyelidik UMK mampu menyaingi produk penyelidikan lain pada ekspo yang merupakan pameran terbesar dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia,” katanya.

Menurut Prof. Dr. Nik Maheran, selain itu kemenangan ini juga pembuka tirai pencapaian universiti pada tahun dan ekspo MTE 2013 akan menjadi medium terbaik untuk penerokaan kreativiti, pepadanan perniagaan serta pengkomersilan produk-produk penyelidikan dan inovasi di pasaran tempatan dan juga global.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains Bumi (FSB), YBhg. Prof. Dr. Razak Bin Wahab berkata, pencapaian memenangi pingat perak oleh kumpulan penyelidikanya itu dijadikan sebagai motivasi untuk pensyarah-pensyarah muda bagi menghasilkan produk yang lebih kreatif dan inovasi pada pertandingan seterusnya.

Beliau berkata, pertandingan seperti ini juga memberikan pengalaman kepada pensyarah muda sebagai motivasi untuk lebih berani merekacipta produk untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

“Pencapaian anak didiknya ini akan membuka mata pensyarah muda untuk menyertai pertandingan ini dan tidak merasa takut untuk bersaing kerana adat pertandingan ada yang menang dan kalah,” katanya.

Tambah beliau, pertandingan ini juga dapat memberi pengalaman dan memperbaiki kelemahan serta kekurangan pada produk yang dihasilkan sebelum menyertai satu lagi pertandingan di peringkat antarabangsa di Seoul, Korea Selatan, pada Disember ini.

“Mesin mesra alam yang digelar Eco Friendly Machines For Enhancing Durability And Colour Appearance of Wood ini adalah untuk meningkatkan ketahanan dan meningkatkan penampilan warna kayu disamping dapat meningkatkan kestabilan kayu serta mampu

bertahan lama. Hasil kajian menunjukkan bahawa kayu dirawat haba mengekalkan kebanyakan sifat-sifat fizikal dan kekuatan asal mereka selepas menjalani rawatan haba,” jelasnya.

Prof. Dr. Razak berkata, mesin yang dihasilkan kumpulan penyelidikanya ini amat sesuai untuk menghasilkan produk berasaskan kayu pada skala kecil dan sederhana iaitu industri perabot kraftangan yang akan mendapat manfaat dengan hasil ciptaan ini.

“Selain meningkatkan penampilan dan kestabilan kayu, mesin ini juga mesra alam yang tidak menggunakan bahan kimia dalam meningkatkan ketahanan kayu,” katanya.

Pada tahun ini MTE 2013 mempamerkan kira-kira 550 reka cipta produk inovasi dari dalam dan luar negara yang dapat menarik saintis, pihak industri, usahawan, ahli perniagaan, pakar dan perunding dalam perniagaan yang mana membuka banyak peluang kepada penyelidik untuk meninjau peluang pengkomersilan.

Pameran yang menarik kunjungan kira-kira 20,000 pengunjung itu meliputi bidang kejuruteraan, teknologi hijau, ubatan dan kesihatan, pendidikan, sains sosial, keselamatan dan komunikasi.